

# Tambah baik laluan ke Cameron Highlands melalui Sungai Koyan

Oktober 29, 2021 @ 10:31am

31



Pandangan dari atas bentuk muka bumi Cameron Highlands berlereng dan jalan yang curam. - Foto hiasan/Abdullah Yusof

Laluan ke Cameron Highlands melalui Sungai Koyan, Kuala Lipis adalah antara jalan alternatif untuk sampai ke tanah tinggi itu bagi pengguna dari Kuala Lumpur mahupun Kuantan.

Apatah lagi selepas pembukaan laluan baharu, Projek Lebuhraya Utama Tengah (Central Spine Road) pada 7 Oktober lalu, destinasi Cameron Highlands menjadi semakin rancak dan popular bagi mereka yang menginginkan percutian santai di tanah tinggi.

Terdapat banyak aktiviti di Cameron Highlands yang menjanjikan pelbagai tarikan antaranya memetik buah-buahan seperti strawberi, selain melawat ladang teh dan juga lavender. Malah untuk penggemar aktiviti lasak meneroka hutan, rimba di tanah tinggi itu menjanjikan pengalaman yang mencabar. Tidak kurang juga ia menjadi destinasi pembelajaran dan pendidikan di Pusat Penyelidikan MARDI.

Ketika ini, Cameron Highlands dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas merangkumi sekolah, pejabat pentadbiran tanah dan daerah selain hospital daerah, Hospital Sultanah Hajjah Kalsom yang mempunyai lebih 70 katil dengan kelengkapan bahagian kecemasan sendiri.

Namun, di sebalik semua kemudahan dan keistimewaan itu apa yang lebih utama adalah keselamatan dan keselesaan pengunjung juga penduduk setempat, terutama ketika melalui jalan raya menuju ke tanah tinggi berkenaan.

Jika diperhatikan jalan masuk melalui Sungai Koyan sehingga ke Ringlet, sejak ia dibuka pada 2010 tidak ada hentian rawat dan rehat disediakan, walaupun laluan itu dibina sepanjang 100 kilometer (km).

Laluan berkenaan pula berliku di lereng bukit dan licin, sekali gus tidak sesuai dengan cara pemanduan yang laju. Justeru, seharusnya sediakan sekurang-kurangnya sebuah kawasan hentian rehat dan rawat bagi keselesaan pengguna misalnya ke tandas atau menunaikan solat.

Sehubungan itu, prasarana di laluan berkenaan juga perlu ditingkatkan misalnya dengan penyediaan lampu yang bersesuaian dengan bentuk muka bumi yang berlereng dan jalan yang curam. Ini juga dapat membantu pengguna mengelak kemalangan jalan raya.

Jika anda berpeluang menggunakan laluan berkenaan untuk ke Cameron Highlands, suasana kehijauan sepanjang perjalanan amat mempesonakan. Laluan di dalam daerah Kuala Lipis itu dianugerahkan panorama semula jadi yang hijau dan cantik, malah udaranya segar serta sejuk.

Sepanjang laluan juga ada banyak perkampungan Orang Asli antaranya Kampung Menson, Pos Betau, Pos Simoi dan Pos Lenjang. Semua penempatan ini boleh menjadi tarikan pelancongan dengan kewujudan pusat informasi dan boleh dibangunkan dengan kerjasama antara kerajaan negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Hal ini juga boleh mengelakkan sejarah juga budaya masyarakat Orang Asli di kawasan itu lenyap ditelan arus kemodenan. Justeru, amat baik kiranya maklumat mengenai mereka, termasuk sistem ekonomi yang unik didokumentasi dan dikongsikan. Malah, kawasan kraf tangan Orang Asli juga boleh diwujudkan.

Berdasarkan potensi yang ada di sepanjang laluan berkenaan, pembinaan sebuah hentian rehat bukan hanya membantu pengguna jalan raya, tetapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi penduduk setempat juga memakmurkan belanjawan negara.

Justeru, sejumlah peruntukan perlu dipertimbangkan untuk tujuan itu.

**Dr Mazita Mokhtar,  
Universiti Malaysia Pahang**